



SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO	MUKA SURAT	:	6
TARIKH	:	21/5/2021			
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Kuala Lumpur: Dilatih khusus supaya mempunyai kemahiran menghidu hidupan liar disembunyikan di dalam kargo atau kotak.

Itu antara kehebatan dua ekor anjing pengesan Unit Anjing Pengesan Hidupan Liar Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Unit K9 Perhilitan) bernama Ronan dan Hector.

Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, unit khas itu ditubuhkan pada Jun 2019 dengan kerjasama NGO Rimba.

Menurutnya, anjing dari baka *Labrador* dan *Dutch*

Ronan, Hector cemerlang bantu Perhilitan

Harian Metro 21/5/2021 m/s 6



UNIT K9 Jabatan Perhilitan ditubuhkan pada Jun 2019.



Penggunaan anjing ini efektif kerana deria hidu anjing sangat tajam berbanding haiwan lain”

Abdul Kadir

Shepard itu dilatih di Afrika Selatan dan disambung latihannya di Malaysia oleh Unit K9 Jabatan Perhilitan.

“Dua anjing ini membantu tugas penguatkuasaan.

Berbeza dengan anjing pengesan lain, Ronan dan Hector menjalani latihan khusus bagi pengesanan elemen jenayah penyeludupan hidupan liar.

“Operasi Unit K9 Perhilitan lebih kepada kawasan pintu masuk negara seperti lapangan terbang, pelabuhan dan sempadan darat.

“Tugasan unit ini bagi mengesan hidupan liar atau bahagian hidupan liar disembunyikan atau diseludup penjenayah. Penggunaan anjing ini efektif kerana deria hidu anjing sangat tajam berbanding haiwan lain,” katanya.